


1 Penerangan yang manakah betul?

	Faktor Pengeluaran	Keterangan
A	Usahawan	Input yang menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran.
B	Buruh	Individu yang berperanan menghasilkan output maksimum.
C	Modal	Alat ciptaan manusia yang mempunyai mobiliti tinggi.
D	Tanah	Sumber yang penawarannya tidak terhad.

2 Rajah 1 merupakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP).



Penyataan yang manakah betul berkaitan dengan kombinasi pengeluaran X?

- I Berlaku ketidakupayaan pengeluaran
 - II Dapat dicapai dengan peningkatan teknologi
 - III Ekonomi berada pada tingkat guna tenaga penuh
 - IV Wujud pembaziran sumber dalam pasaran
- A I dan II
 B II dan IV
 C II dan III
 D III dan IV


3 Pasangan yang manakah betul?

	Masalah Asas Ekonomi	Keterangan
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Pengeluar memastikan tidak berlakunya lebihan barangan dalam pasaran.
B	Berapa hendak dikeluarkan	Barangan yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak pengguna.
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Firma memastikan kos pengeluaran barangan adalah minimum.
D	Untuk siapa barang dikeluarkan	Pembuat keputusan menggunakan mekanisme pasaran untuk menghasilkan barangan.

4 Pernyataan yang manakah betul tentang penyelesaian masalah berkaitan dengan penggunaan teknik pengeluaran dalam sistem ekonomi kapitalis

- A Maksimum untung melalui pengurangan kos dengan bantuan subsidi
- B Mekanisme pasaran mempengaruhi pemilihan intensif buruh atau modal
- C Pengeluaran barang ekonomi dan awam berdasarkan permintaan pasaran
- D Pemilihan kaedah yang cekap dengan mengambilkira kesan luaran negatif

- 5 Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran minyak kelapa sawit.



Rajah 2

Antara yang berikut, situasi yang manakah betul?


- I Kebenaran masuk buruh yang diperketatkan
 - II Penebusgunaan kawasan penanaman sawit kepada kawasan perumahan
 - III Kerajaan bersetuju meneruskan pemberian subsidi terhadap minyak sawit paket
 - IV Penggunaan dron dalam industri penanaman sawit
- A I dan II
B II dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 6 Pernyataan yang manakah betul tentang lebihan permintaan?
- A Berlaku selepas kerajaan melaksanakan dasar harga minimum
B Wujud apabila perbelanjaan melebihi pendapatan pengguna
C Harga cenderung naik daripada keseimbangan asal
D Keluk permintaan pasaran akan beralih ke kanan
- 7 Gambar 1 berikut berkaitan dengan satu keputusan kerajaan




Gambar 1

Rajah yang manakah menunjukkan kesan ke atas pasaran akibat daripada keputusan tersebut?


A




B



C



D



- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan keanjalan harga permintaan barang W.

Tindakan penjual menaikkan harga barang W menyebabkan jumlah hasil diterimanya menurun.


Pernyataan yang manakah betul mengenai barang W?

- A Merupakan barang anjal
 - B Bentuk keluk adalah curam
 - C Contoh barang W ialah beras
 - D Nilai pekali keanjalan kurang daripada 1
- 9 Maklumat di bawah berkaitan dengan nilai keanjalan harga permintaan barang X.

$$E_d = 2.0$$

Maklumat yang manakah betul berkaitan dengan barang tersebut?

- A Barang pengganti yang sedikit dalam pasaran
 - B Pengusaha menaikkan harga barang untuk tingkatan jumlah hasil
 - C Peningkatan harga 2% menyebabkan pengurangan permintaan 1%
 - D Beban cukai yang ditanggung oleh pengeluar lebih besar daripada pengguna
- 10 Rajah 3 adalah keluk permintaan suatu barang.



Rajah 3

Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut?

- A 0.44
- B 0.86
- C 1.17
- D 2.25

- 11 Tindakan bank pusat yang manakah dapat mengawal inflasi?
- A Meningkatkan kadar faedah simpanan
 - B Menurunkan nisbah rizab berkanun
 - C Menjual surat jaminan kerajaan
 - D Melonggarkan syarat sewa beli
- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan satu kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan

Encik Azman mengarahkan pihak bank membuat bayaran ansuran pinjaman Amanah Saham Bumiputera (ASB) sebanyak RM1 000 pada setiap 28 hari bulan.

- Apakah kemudahan pembayaran tersebut?
- A Perintah sedia ada
 - B Pindahan kredit
 - C Debit langsung
 - D Draf bank
- 13 Aktiviti yang manakah tergolong dalam sektor utama?
- A Perlombongan dan pemprosesan
 - B Pembalakan dan kraf tangan
 - C Penternakan dan pembuatan
 - D Perikanan dan kuari
- 14 Pernyataan yang manakah betul tentang pendapatan individu?
- A Bayaran pindahan diperoleh kerana memberi hak penggunaan kepada orang lain
 - B Faedah diterima oleh individu kerana menanggung risiko kejatuhan nilai wang
 - C Upah ialah ganjaran yang diperoleh atas jumlah barang atau perkhidmatan yang dijual
 - D Dividen merupakan pulangan yang diterima tanpa menyumbang dalam proses pengeluaran
- 15 Antara yang berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan penggunaan individu
- I Membayar premium insurans nyawa
 - II Membeli mesin pengering baju
 - III Menjelaskan zakat pendapatan
 - IV Membuat caruman KWSP
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

16 Pasangan manakah yang betul?

	Keperluan	Kehendak
A	Dipengaruhi oleh saiz pendapatan	Berkadar malar dengan pendapatan
B	Untuk mencapai keselesaan.	Untuk meneruskan kehidupan
C	Boleh ditangguhkan sementara	Perlu dipenuhi dahulu
D	Sama untuk semua	Banyak dan pelbagai

17 Antara yang berikut, pernyataan yang manakah berkaitan dengan langkah penyediaan belanjawan peribadi?

- I Cik Syahriah berjaya melakukan tabungan secara konsisten
 - II Encik Fauzi membuat catatan sumber pendapatannya pada suatu bulan
 - III Puan Yusmaini mengenal pasti potongan wajib yang dibayar oleh beliau
 - IV Encik Iqbal dapat mengawal diri daripada membeli barang kurang penting
- A I dan II
B II dan IV
C II dan III
D III dan IV

18 Gambar 2 menunjukkan satu input yang digunakan dalam proses pengeluaran.




Gambar 2

Pernyataan yang manakah betul tentang input tersebut?

- A Jumlah penggunaan mengikut tingkat output.
- B Perbelanjaan yang ditanggung ialah kos berubah.
- C Kewujudan berlaku pada masa keluaran belum bermula.
- D Berhubung secara langsung dengan perubahan keluaran.

- 19 Gambar 3 menunjukkan satu input yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Gambar 3

Berapakah keluaran marginal kesan pertambahan pekerja tersebut?

- A 20 unit
 - B 40 unit
 - C 60 unit
 - D 80 unit
- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran, kos dan harga kerusi plastik keluaran Syarikat Hasni Sendirian Berhad.

Harga seunit	RM25
Kos berubah	RM5000
Kos tetap	RM12 000

Berapakah keuntungan yang diperoleh sekiranya firma menjual 2 000 unit kerusi plastik?

- A RM33 000
 - B RM38 000
 - C RM45 000
 - D RM50 000
- 21 Pernyataan yang manakah menunjukkan konsep eksternaliti?
- A Ditanggung oleh pengguna dan pengeluar dalam proses pengeluaran
 - B Kos sosial merupakan kos yang dilepaskan dalam pemilihan barang
 - C Contoh faedah sosial ialah peningkatan tahap kesihatan masyarakat
 - D Nilai yang dimasukkan dalam penentuan harga pasaran
- 22 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang peranan kerajaan dalam ekonomi?
- I Mengawal selia pengeluar
 - II Mencapai guna tenaga penuh
 - III Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan
 - IV Mengeluarkan barang ekonomi dan barang awam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 23 Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi

Kadar pengangguran Malaysia turun ke paras terendah dalam 10 tahun

KUALA LUMPUR: Kadar pengangguran pada April 2025 turun kepada 3.0 peratus, paras terendah dalam tempoh 10 tahun dengan 525,900 penganggur, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pada April 2025, bilangan tenaga buruh terus berada pada trend menaik, dengan peningkatan sebanyak 0.2 peratus kepada 17.34 juta orang.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>

Berdasarkan pernyataan diatas, apakah objektif makroekonomi yang telah dicapai?

- A Kestabilan harga
 - B Guna tenaga penuh
 - C Pertumbuhan ekonomi
 - D Keseimbangan imbalan pembayaran
- 24 Bagaimanakah kerajaan dapat mengawal eksploitasi pengguna melalui undang-undang dan peraturan?
- I Menaikkan peruntukan subsidi
 - II Menetapkan harga barang kawalan
 - III Menguatkuasakan Akta Pencatutan
 - IV Meningkatkan kadar cukai terhadap barang tertentu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 25 Jadual 1 menunjukkan bajet kerajaan bagi tahun 2023.

Butiran	RM juta
Hasil	372 340
Perbelanjaan mengurus	289 219
Perbelanjaan pembangunan	96 921

Jadual 1

Tindakan yang manakah betul berkaitan keadaan tersebut

	Dasar Fiskal	Kestabilan Ekonomi	Tujuan Pelaksanaan
A	Mengucup	Deflasi	Mengurangkan proses penciptaan kredit
B	Mengembang	Deflasi	Meningkatkan permintaan agregat
C	Mengembang	Inflasi	Menambahkan projek pembangunan
D	Mengucup	Inflasi	Merapatkan jurang pendapatan

- 26 Contoh yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan?
- A Serahan kepada kerajaan Perlis untuk baik pulih jalan raya yang rosak di Ipoh.
 - B Agihan subsidi anak benih padi IS21 kepada pesawah di Kampung Paya.
 - C Membayar kos penyelenggaraan makmal komputer di SMK Putra.
 - D Belanja menyiapkan stadium mini di SMK Syed Hassan.
- 27 Pernyataan yang manakah betul tentang dasar kewangan menguncup?
- A Boleh dilakukan melalui pembelian surat jaminan kerajaan
 - B Dilaksana untuk mengatasi masalah inflasi dalam negara
 - C Bertujuan menambah bekalan wang di pasaran
 - D Berupaya meningkatkan kuasa beli pengguna
- 28 Apakah kepentingan perniagaan antarabangsa?
- I Pelaburan asing meningkat
 - II Kadar pengangguran berkurangan
 - III Mengekalkan sumber alam semula jadi.
 - IV Memelihara keistimewaan budaya masyarakat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Kesatuan Eropah meluluskan akta untuk menghalang minyak sawit daripada dilabelkan sebagai bahan api yang boleh diperbaharui menjelang tahun 2030 akibat kebimbangan terhadap penebangan hutan.

Sumber : Ubahsuai Malaysiakini, 21 Okt. 2019

- Apakah bentuk sekatan tersebut?
- A Larangan perdagangan ke atas negara tertentu
 - B Kawalan pertukaran asing terhadap pengimport
 - C Menetapkan had maksimum pengimportan sesuatu barang
 - D Halangan produk kerana tidak mematuhi standard sesebuah negara
- 30 Situasi yang manakah cenderung memberi kesan imbalan dagangan negatif?
- A Peningkatan penggunaan barang dari luar Negara.
 - B Aliran masuk pelabuhan asing yang tinggi di sektor perkilangan.
 - C Kiriman wang oleh pekerja asing ke luar Negara semakin meningkat.
 - D Kemasukan pelancong asing bertambah selepas kempen Tahun Melawat Malaysia.
- 31 Situasi yang manakah menunjukkan contoh eksport tak nampak negara?
- A Rakyat Brunei yang berkelayakan menyambung pengajian di UIA Gombak.
 - B Firma dari Jerman mendapat kontrak membina pelabuhan di Johor.
 - C Syarikat Perodua membawa masuk alat ganti dari Thailand.
 - D Petronas Carigali membekalkan minyak mentah ke Jepun

32. Situasi yang manakah merujuk kepada permintaan Ringgit Malaysia?
- A SV Elektrik (Malaysia) Berhad mendapat bekalan komponen elektrik daripada China
 - B Sebuah syarikat dari Jepun mengimport minyak sawit daripada Felda Plantation
 - C PT Travel membawa 30 orang warga emas dari Shah Alam menunaikan umrah di Makkah.
 - D Pelancong Malaysia menggunakan perkhidmatan Japan Airline dari Kuala Lumpur ke Tokyo

Soalan 33 hingga **Soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

33. I Ekonomi adalah penyesuaian sumber dengan kehendak manusia yang terbatas.
 II Kehendak adalah barang yang perlu dimiliki oleh manusia.
34. I Hukum penawaran menunjukkan hubungan positif antara harga dan kuantiti.
 II Hubungan positif ditunjukkan oleh keluk yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
35. I Contoh potongan wajib ialah caruman insurans nyawa.
 II Potongan wajib akan mengurangkan pendapatan semasa individu.
36. I Bayaran secara kredit menggalakkan pembeli berbelanja secara berhemah.
 II Bayaran secara kredit menyukarkan pembeli mendapat perkhidmatan selepas jualan
37. I Keberkesanan dan kecekapan penggunaan input pengeluaran mempengaruhi produktiviti.
 II Produktiviti meningkat akibat inovasi dalam kaedah pengeluaran.
38. I Inflasi akan menyebabkan peningkatan daya saing barang tempatan di pasaran.
 II Inflasi berlaku apabila tingkat harga umum mengalami peningkatan secara berterusan.

39. I Globalisasi merupakan proses interaksi dan integrasi antara manusia, firma dan kerajaan pelbagai negara.
II Penggunaan kaedah komunikasi baharu merupakan satu ciri globalisasi
40. I Kadar pertukaran asing adalah merupakan harga mata wang sesebuah Negara yang dinyatakan dalam nilai mata wang Negara lain.
II Perubahan kadar pertukaran asing sesebuah Negara tidak akan mempengaruhi permintaan ke atas eksport dan import Negara lain

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT